OLEH MOHD TARMIZI HASRAH



Meraikan Kepelbagaian melalui

Penyatuan Semantik

Ada satu perkara yang kita inginkan sebagai rakyat dalam sebuah negara majmuk seperti Malaysia. Perkara itu tidak lain dan tidak bukan ialah perpaduan.

Kita suka melihat rakyat Malaysia hidup dalam kerukunan. Kita juga senang apabila semua warganegaranya bersatu padu, seiring sederap melangkah ke arah matlamat yang sama. Hidup dalam kerukunan dan perpaduan, bererti saling menerima antara satu sama lain dengan seadanya. Yakni, suatu penerimaan tanpa disisip oleh nostalgia sejarah silam yang berdaya membangkitkan hiruk-pikuk kebisingan yang cuba kita lupakan. Kita sepatutnya membiarkan sahaja peristiwa silam itu berlalu sebagai suatu fakta yang sekadar berperanan sebagai pengingat apabila kita terperosok ke dalam lembah kelupaan. Inilah hajat kita bersama-sama sebagai bangsa Malaysia, iaitu hidup dan sama-sama maju dalam kerukunan.

Mengapakah soal perpaduan tidak pernah selesai dan tidak pernah disepakati secara bulat? Mungkin ada yang akan menjawab bahawa tidak selesainya soal perpaduan merupakan keistimewaan Malaysia. Bagi mereka, ketidaksepakatan itulah yang dikatakan sebagai perpaduan murni. Ketidaksepakatan bererti kita mengorak langkah ke hadapan. Mengapakah ketidaksepakatan yang ditekankan? Sebabnya, keupayaan kita untuk menguruskan ketidaksepakatan itulah tanda kematangan bangsa kita, dan kematangan difahami sebagai sesuatu yang selari dengan perpaduan.

Pernyataan di atas mengundang satu pertanyaan khusus, iaitu mengapakah perpaduan yang telah bergulat sejak sekian lama masih lagi bermasalah? Jelas, bukan pengertian perpaduan yang menjadi punca masalah kerana kita telah pun sepakat bahawa perpaduan bererti penyatuan, bukan ketidaksepakatan. Yang menjadi masalah di sini bukanlah masalah takrif konsep perpaduan, tetapi masalah dalam hal menterjemahkan makna konsep tersebut.

Seperti yang dinyatakan di atas, perpaduan ialah penyatuan. Hal ini bermaksud tidak ada lagi pemisahan antara "saya", "awak", "dia" dan "mereka". Yang ada hanyalah "kita". Soalnya, apakah kaedah yang dipakai bagi memastikan "saya", "awak", "dia" dan "mereka" diperkasakan?

Selama ini, terdapat satu kaedah yang kita anggap ampuh, iaitu penyatuan bahasa. Penyatuan bahasa bermaksud penerimaan satu bahasa sebagai bahasa rentas kaum. Di negara kita, bahasa yang dianggap sebagai alat penyatuan ialah bahasa Melayu. Bahasa ini diangkat bagi memainkan peranan tersebut disebabkan faktor sejarah dan sosiologi dengan faktor sejarah. Bahasa Melayu memang menjadi bahasa pemersatu di seluruh Nusantara, dan penuturnya pula merupakan penduduk asal di rantau tersebut; dan dengan faktor sosiologi, penutur bahasa Melayu di negara ini merupakan kaum yang teramai. Kedua-dua faktor inilah yang mewajarkan bahasa Melayu menjadi alat pemersatu kaum-kaum di Malaysia. Kita menerima kedua-duanya tanpa berbelah bahagi.

Penyatuan bahasa juga membawa pengertian kaum lain yang ada di Malaysia wajib menguasai bahasa Melayu. Hal ini memang melegakan orang Melayu. Disebabkan mereka merupakan penutur natif bahasa Melayu, maka mereka tidak dibebankan dengan pembelajaran bahasa tambahan. Penyatuan bahasa kepada bahasa Melayu sebaliknya membebankan kaum yang bukan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kaum bukan Melayu terpaksa mempelajari bahasa kedua yang sistem linguistiknya berbeza sama sekali daripada bahasa natif mereka.

Memang, itulah pengorbanan yang harus mereka lakukan disebabkan kesudian orang Melayu memberikan kerakyatan kepada para leluhur mereka dahulu. Begitulah alasan yang kerap diberikan. Namun begitu, adakah alasan seperti ini sahih dipakai untuk selama-lamanya?

Seperti biasa, ternyata kita masih lagi terperangkap dalam penjara nostalgia silam. Kita tidak menafikan kemurahan orang Melayu ketika itu memberikan kerakyatan kepada orang-orang yang bukan penduduk asal. Sebagai balasannya, mereka perlu berasimilasi dengan orang tempatan termasuk bahasa. Fakta sejarah ini bagaimanapun hanya benar kepada generasi awal yang datang ke Tanah Melayu. Kini, semua kaum yang bukan Melayu itu lahir, membesar dan hidup di bumi yang tercinta ini. Mereka tidak lagi sama seperti para leluhur mereka dahulu. Maka, adakah kita masih mahu memaksakan kaedah penyatuan bahasa sebagai satu-satunya jalan mencapai perpaduan?

Tidak sepatutnya demikian. Kita sebaliknya memerlukan satu kaedah lain yang lebih meraikan kepelbagaian linguistik. Apakah kaedah tersebut?

"Kini, kita perlu memacu perpaduan yang tidak diikat oleh sebuah bahasa tunggal", demikian kata salah seorang rakan kepada penulis sekitar tahun 2009 usai perarakan membantah PPSMI. Beliau kemudian meneruskan lagi, "yang kita perlukan bukan penyatuan bahasa, tetapi penyatuan semantik." Dengan kata lain, perpaduan yang perlu kita bina bukan di atas ketunggalan bahasa yang memerlukan pemaksaan satu bahasa kepada semua warganegara (seperti dasar pensiaman di Thailand), tetapi perpaduan berasaskan kesamaan kefahaman, walaupun diungkap menerusi sistem linguistik yang berbeza.

Pada hemat penulis yang sentiasa percaya kepada keunikan dan kelestarian ekologi linguistik, hal yang dilontarkan ini merupakan sesuatu yang baik. Namun begitu, yang menjadi persoalan kini ialah bagaimana untuk memastikan penyatuan semantik itu berupaya dilaksanakan?

Penyatuan semantik tentunya berbeza daripada penyatuan bahasa walaupun matlamat kedua-duanya seiring. Jika penyatuan bahasa dikatakan menyamai konsep asimilasi (sama ada secara paksa atau sukarela), yakni semua warganegara dikehendaki menguasai satu bahasa tunggal yang dijadikan teras perpaduan, penyatuan semantik sebaliknya terpahat pada lahan keragaman bahasa. Dengan kata yang lebih mudah, kita menguasai bahasa kedua, ketiga dan bahasa-bahasa lain bagi tujuan memahami pertuturan orang yang tidak berkongsi bahasa natif dengan kita. Hal ini menunjukkan secara jelas bahawa penyatuan semantik meraikan kepelbagaian. Penyatuan bahasa sebaliknya meraikan ketunggalan–walaupun tidak menafikan kepelbagaian.

Soalnya, mengapakah kita memerlukan penyatuan semantik bagi memacu perpaduan negara?Jawapan yang boleh diberikan terhadap soalan ini hanya satu, iaitu untuk meraikan kepelbagaian linguistik. Perihal linguistik mempunyai sensitivitinya yang tersendiri. Sensitiviti linguistik boleh berakhir dengan pergaduhan dan permusuhan jika digugat. Hal inilah yang perlu dijaga agar sesuatu dasar yang digubal tidak menyakiti perasaan penutur bahasa lain.

Kenyataannya, Malaysia merupakan sebuah negara yang tinggi tingkat diversiti linguistik. Di negara kita, bukan sahaja bahasa-bahasa dalam rumpun Austronesia, malah Malaysia turut memiliki bahasa-bahasa daripada rumpun Sinitik, Dravidik, Austro-Asia dan Tai-Kadai (selain bahasa-bahasa daripada rumpun Semitik dan Indo-Eropah). Maka, dengan kekayaan bahasa seperti ini, kita sudah tentunya memerlukan sudut pandang yang menghargai, bukan memperkecilkannya. Penghargaan itu pula datangnya daripada gagasan penyatuan semantik yang kita cuba utarakan di sini. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi penyatuan semantik, bukan bahasa, bukan juga sistem linguistik, tetapi fikiran dan maknalah yang disatukan. Penyatuan fikiran dan makna

Usia kanak-kanak merupakan tahap terbaik untuk mempelajari pelbagai bahasa.

membenarkan untuk kita menuturkan bahasa apa-apa pun kerana makna yang sampai kepada kefahaman kita itulah yang dipentingkan.

Aspek yang dihuraikan inilah yang menjadi punca masalah. Kita tidak memahami orang yang bertutur selain bahasa natif kita. Orang Melayu tidak memahami orang Cina dan orang India; orang India tidak memahami orang Cina; dan, hal yang sama turut dikesan dalam kaum peribumi yang lain. Memang, kita semua boleh bercakap menggunakan bahasa Melayu. Kalau tidak semua mahir, sekurang-kurangnya kita masih boleh bertanya khabar dalam bahasa tersebut. Namun begitu, memahami seseorang dalam bahasa asal tidak sama dengan memahami mereka dengan bahasa lain. Bahkan, kalau kita menggunakan bahasa lain, memang ada menghadirkan kefahaman. Bagaimanapun, yang paling banyaknya bukan kefahaman, sebaliknya ketidakfahaman. Ketidakfahaman seterusnya menimbulkan prejudis. Prejudis membangkitkan kesan psikologi bahawa "saya" dengan "dia" berbeza, dan "kami" tidak akan pernah sama kerana bahasa kami berlainan.

Di sinilah letaknya kepentingan penyatuan semantik, yakni bagi mengelakkan timbul perasaan prejudis akibat daripada tidak berdaya memahami apa-apa yang diungkapkan oleh orang lain dalam bahasa yang berbeza.

Hal ini memberikan suatu gambaran bahawa bagi membolehkan penyatuan semantik direalisasikan, maka mahu tidak mahu kita perlu menguasai semua bahasa yang ada di Malaysia. Begitukah? Tentunya. Sebab, untuk faham bahasa lain, kita perlu mempelajari bahasa berkenaan. Walau bagaimanapun, sebelum kita melanjutkan huraian, terdapat dua perkara yang perlu dijelaskan di sini, iaitu "menguasai" dan "semua bahasa".

Dalam hal ini, yang dimaksudkan dengan "menguasai" bukanlah bererti menggunakan sesebuah bahasa setaraf atau hampir setaraf dengan penutur natif, tetapi cukup sekadar memahami pertuturan asas, selain penguasaan asas membaca, dalam bahasa berkenaan. Frasa "semua bahasa" pula tidaklah merujuk semua bahasa yang ada di Malaysia, tetapi bahasa-bahasa yang kerap dipakai oleh para aktor bagi menguruskan hal politik, ekonomi dan sosial. Mungkin bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Iban merupakan bahasa-bahasa yang perlu dipelajari. Pembelajaran bahasa peribumi lain perlu mengikut kesesuaian. Walau bagaimanapun, kita tidak mempunyai masalah yang rumit tentang bahasa peribumi yang lain kerana sudah berkurun interaksi rentas kaum umpamanya dalam kalangan orang asli dijalankan dalam bahasa Melayu.

Huraian ini menunjukkan penguasaan bahasa memerlukan saluran pendidikan rasmi. Dalam hal ini, sekolah memainkan peranan yang besar. Pihak Kementerian Pendidikan perlu menggubal dasar bagi menggalakkan pengajaran dan pembelajaran bahasa kaum-kaum yang ada di Malaysia di semua sekolah, khususnya pada peringkat sekolah rendah, sama ada sekolah kebangsaan, mahupun sekolah jenis kebangsaan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa seperti ini sangat penting bagi mempelbagaikan penguasaan linguistik warganegara, dan seterusnya menyediakan asas yang kukuh ke arah perpaduan murni.

Mempelbagaikan penguasaan linguistik kepada warganegara merupakan suatu kelebihan yang tidak ada umpamanya pada diri penulis. Ketika berada di sekolah rendah dan menengah, penulis hanya mendapat pendidikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Apabila berada di sekolah menengah dan universiti, penulis tidak dapat memahami rakan-rakan penulis yang berbangsa Cina, India, Iban dan orang asli apabila mereka bertutur dalam bahasa natif masing-masing. Sungguh, hal ini ialah kerugian yang sangat besar. Memang, kami boleh saling memahami dengan bertutur dalam bahasa Melayu. Namun begitu, apakah nikmat linguistiknya jika penulis tidak dapat mengerti sepenuhnya keindahan bahasa-bahasa lain, umpamanya cara lawak disampaikan dalam bahasa Mandarin, Tamil, Iban atau Semelai?

Atas sebab yang diberikan di atas itulah, maka penulis berani mengatakan bahawa penguasaan linguistik yang pelbagai merupakan kelebihan yang tidak ternilai yang dimiliki oleh warganegara Malaysia jika dasar sedemikian dilaksanakan. Mereka yang mendapat pendidikan di bawah dasar tersebut mempunyai sesuatu yang tidak dimiliki oleh penulis, dan mungkin juga generasi seangkatan dengan penulis yang hanya belajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Warganegara yang mempunyai kebolehan multilingual dapat menyelami jiwa rakan mereka yang berbicara dalam bahasa yang lain, dan seterusnya mereka dapat membina suatu hubungan batin yang diikat oleh sebuah ikrar bahawa "saya" dan "awak" ialah bangsa Malaysia.

Memang, pelaksanaan dasar yang mewajibkan pengajaran dan pembelajaran pelbagai bahasa mempunyai kelemahan yang tersendiri. Pertama, dasar tersebut membebankan para pelajar. Sudahlah mereka terpaksa belajar mata pelajaran wajib yang lain seperti sains, matematik, geografi, agama dan lain-lain, dan deretan mata pelajaran ini ditambah pula dengan pembelajaran bahasa yang tujuannya hanya untuk perpaduan.

Memang diakui bahawa para pelajar akan sedikit terbeban ekoran pelaksanaannya. Oleh hal yang demikian, apakah nikmat menuntut ilmu tanpa sedikit pengorbanan dan penat lelah? Ayuh, jangan bermalas-malas dan bersikap terlalu manja! Kelemahan pertama ini bagaimanapun boleh sahaja diatasi dengan menjadikan pembelajaran bahasa-bahasa tambahan sebagai mata pelajaran peperiksaan. Dengan kata lain, mewajibkan tanpa membebankan pelajar dengan peperiksaan. Namun begitu, harus juga diingat, menjadikannya bertaraf demikian boleh menyebabkan para pelajar tidak bermotivasi. Maklumlah zaman sekarang semuanya diukur dengan jumlah A yang diperoleh dalam peperiksaan. Jikalau sesuatu mata pelajaran itu tidak termasuk dalam mata pelajaran peperiksaan, maka pasti subjek tersebut tidak akan diendahkan.



Kedua, pembelajaran banyak bahasa akan mengelirukan para pelajar. Ada andaian yang mengatakan pemasukan banyak bahasa kepada kanak-kanak akan menyebabkan mereka tidak mendapat apa-apa bahasa pun. Bahasa natif pun tidak. Bahasa kedua pun tidak. Bagaimanapun, andaian seperti ini disanggah oleh ahli psikolinguistik yang menegaskan bahawa usia kanak-kanaklah merupakan tahap terbaik bagi mengajarkan bahasa. Para pengkaji meletakkan tempoh umur antara dua hingga tujuh tahun yang mereka sebut sebagai tempoh ideal penguasaan bahasa. Namun begitu, tempoh umur boleh sahaja dipanjangkan hingga mencapai awal umur belasan tahun. Maka, pembelajaran banyak bahasa bagi para pelajar sekolah rendah tidak akan mengelirukan mereka kerana masih lagi tercakap dalam tempoh ideal tersebut. Selain tidak mengelirukan, penguasaan bahasa yang pelbagai turut membolehkan akal mereka berkembang dengan pesat. Sudah tentunya, dalam hal penguasaan bahasa pada tahap ini, soal lingkungan itu memainkan peranan penting. Tanpa lingkungan yang kondusif pun, para pelajar pasti berupaya menguasai sedikit sebanyak pertuturan asas dalam bahasa-bahasa yang dipelajari oleh mereka.

Menyatukan makna dan meraikan kepelbagaian linguistik bukan sesuatu yang asing pun. Banyak negara Eropah mengguna pakai wawasan yang sama, contohnya Switzerland dan Luxembourg. Kedua-dua negara Eropah ini bukan sahaja meraikan multilingualisme, malah mewajibkannya. Negara kita juga harus menuruti jalur sedemikian kerana multilingualisme merupakan keistimewaan kita. Jadi, keistimewaan itu perlu kita pertahankan.

Perlu ditegaskan bahawa hal yang penulis bangkitkan di sini bukan membawa maksud kita perlu menafikan keperluan akan adanya sebuah bahasa kebangsaan. Kita sebaliknya patut mengekalkan dasar sedia ada, yakni dengan menjadikan bahasa Melayu untuk memainkan peranan sebagai bahasa kebangsaan. Bukankah itu semangat perlembagaan? Dalam aspek kenegaraan, perlembagaan harus ditaati. Dengan wawasan penyatuan semantik, kita bukan menggugat taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Yang kita mahukan dengannya ialah munculnya rasa hormat dan sayang akan ekologi linguistik yang membentuk biodiversiti bumi Malaysia.